



MOHD. Harun Abdullah (belakang, dua dari kanan) dan Nurul Huda Zakaria (tengah) bersama atlet UMS yang berjaya melakar nama dalam *Malaysia Books of Record* dalam kategori Larian Jarak Jauh Paling Lama Malaysia Secara Berkumpulan 2014 di Kota Kinabalu, baru-baru ini. - UTUSAN/SITTI NOR AZIZAH TALATA

# UMS catat rekod baru MBOR

UM 5-2-2014 26

KOTA KINABALU 4 Feb. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melakar nama dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) dalam kategori Larian Jarak Jauh Paling Lama Malaysia Secara Berkumpulan 2014 apabila sembilan atletnya berjaya berlari selama 11 hari tanpa henti bermula 20 Januari lalu di atas treadmill di pusat beli-belah terkenal 1Borneo, Kota Kinabalu.

Sembilan atlet UMS itu berjaya melakar larian sejauh 2,299.42 kilometer dalam masa 264 jam mulai 20 Januari hingga 31 Januari lalu.

Mereka terdiri daripada pelajar sekolah Pendidikan dan Pembangunan UMS termasuk seorang atlet kurang upaya iaitu Abner Molle yang juga pelajar tahun dua Program Ijazah Sarjana Musa

Sains Sukan.

Kejayaan itu sekali gus memadamkan rekod larian 120 jam selama lima hari milik Universiti Teknologi Mara (UiTM) Samarahan sejak 2012 yang berjaya memadamkan rekod lama Universiti Malaya (UM) pada 2011.

Sijil MBOR itu diserahkan oleh wakilnya, Nurul Huda Zakaria kepada Naib Canselor UMS, Prof. Latuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, dalam majlis yang diadakan di 1Borneo kelmarin.

Mohd. Harun berkata, pencapaian yang sangat membanggakan itu menjadi hadiah istimewa sempena sambutan 20 tahun penubuhan UMS pada tahun ini, sekali gus meningkatkan nama universiti tersebut dan Sabah amnya.